



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 5

8hb Mac 2007

*TAMBAHAN No. 25
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 104.

**AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN
PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN 2001**

**PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN
PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN (OBLIGASI PELAPORAN) 2007**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 84(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [Akta 613], Menteri Kewangan membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Obligasi Pelaporan) 2007.

BAHAGIAN II

LAPORAN OLEH INSTITUSI PELAPOR

Penggunaan perenggan 14(b)

2. Bahagian ini hendaklah terpakai berikutan dengan penggunaan peruntukan perenggan 14(b) Akta berkenaan dengan suatu institusi pelapor.

Laporan transaksi yang menimbulkan syak

3. Suatu institusi pelapor hendaklah dengan segera melaporkan kepada pihak berkuasa berwajib apa-apa cubaan transaksi atau transaksi-transaksi jika identiti orang-orang yang terlibat, transaksi itu sendiri atau apa-apa hal keadaan lain berkenaan dengan transaksi itu memberi mana-mana pegawai atau pekerja institusi pelapor itu sebab untuk mengesyaki bahawa transaksi itu melibatkan hasil suatu aktiviti haram tanpa mengira amaun transaksi itu.

BAHAGIAN III

PENGENALPASTIAN PEMEGANG AKAUN

Penggunaan seksyen 16

4. Bahagian ini hendaklah terpakai berikutan dengan penggunaan peruntukan seksyen 16 Akta berkenaan dengan suatu institusi pelapor.

Usaha wajar pelanggan

5. (1) Suatu institusi pelapor hendaklah menjalankan langkah-langkah usaha wajar pelanggan ke atas pemegang akaunnya, termasuklah apabila—

- (a) terdapat syak tentang pengubahan wang haram; atau
- (b) institusi pelapor mempunyai keraguan mengenai kebenaran atau kecukupan maklumat mengenai identiti pemegang akaun itu yang telah diperolehinya sebelum ini.

(2) Institusi pelapor itu hendaklah menentusahkan, dengan cara yang dapat dipercayai atau daripada mana-mana sumber dokumen, data atau maklumat yang bebas—

- (a) bahawa mana-mana orang yang berupa sebagai bertindak bagi pihak pemegang akaun adalah diberi kuasa untuk bertindak sedemikian dan identiti orang itu; dan
- (b) pemunya benefisial yang mana bagi pihaknya suatu akaun dibuka atau suatu transaksi dijalankan dan identiti orang itu.

(3) Institusi pelapor itu hendaklah menjalankan usaha yang wajar yang berterusan ke atas semua hubungan perniagaannya dengan mana-mana pemegang akaun.

BAHAGIAN IV

PENYIMPANAN REKOD

Penggunaan seksyen 17

6. Bahagian ini hendaklah terpakai berikutan dengan penggunaan peruntukan seksyen 17 Akta berkenaan dengan institusi pelapor.

Penyenggaraan rekod

7. (1) Institusi pelapor hendaklah memastikan bahawa apa-apa rekod di bawah Bahagian IV Akta termasuk rekod pengenalan pemegang akaun disenggarakan dan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan rekod itu dijadikan tersedia tepat pada masanya apabila dikehendaki oleh pihak berkuasa berwajib.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Bertarikh 7 Mac 2007

[BNM.JUN.1125/36/04; PN(PU³)622/III]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua

ANTI-MONEY LAUNDERING AND ANTI-TERRORISM FINANCING ACT 2001

ANTI-MONEY LAUNDERING AND ANTI-TERRORISM FINANCING (REPORTING OBLIGATIONS) REGULATIONS 2007

In exercise of the powers conferred by subsection 34(1) of the Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001 [*Act 613*], the Minister of Finance makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation

1. These regulations may be cited as the **Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing (Reporting Obligations) Regulations 2007**.

PART II

REPORT BY REPORTING INSTITUTIONS

Invocation of paragraph 14(b)

2. This Part shall apply upon invocation of provision of paragraph 14(b) of the Act in respect of a reporting institution.

Suspicious transaction report

3. A reporting institution shall promptly report to the competent authority any attempted transaction or transactions where the identity of the persons involved, the transaction itself or any other circumstances concerning that transaction gives any officer or employee of the reporting institution reason to suspect that the transaction involves proceeds of an unlawful activity regardless of the amount of the transaction.

PART III

IDENTIFICATION OF ACCOUNT HOLDERS

Invocation of section 16

4. This Part shall apply upon invocation of provision of section 16 of the Act in respect of a reporting institution.

Customer due diligence

5. (1) A reporting institution shall conduct customer due diligence measures on its account holders, including when—

(a) there is a suspicion of money laundering; or

(b) it has doubts about the veracity or adequacy of information on the identity of the account holder which it has obtained previously.

(2) The reporting institution shall verify, by reliable means or from any independent source of document, data or information—

(a) that any person who is purporting to act on behalf of the account holder is so authorized and the identity of that person; and

(b) a beneficial owner on whose behalf an account is opened or a transaction is conducted and the identity of that person.

(3) The reporting institution shall conduct ongoing due diligence on all its business relationship with any account holder.

PART IV

RETENTION OF RECORDS

Invocation of section 17

6. This Part shall apply upon invocation of provision of section 17 of the Act in respect of a reporting institution.

Maintenance of records

7. (1) A reporting institution shall ensure that any records under Part IV of the Act including account holder identification records are maintained and any information relating to such records are made available on a timely basis when required by the competent authority.

(2) Any person who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding one million ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both, and, in the case of a continuing offence, to a further fine not exceeding one thousand ringgit for each day during which the offence continues after conviction.

Dated 7 March 2007

[BNM.JUN.1125/36/04; PN(PU²)622/III]

TAN SRI NOR MD BIN YAKOP
Second Minister of Finance